

28 OCT 2003

Gerakan-PM

GERAKAN TIDAK BUAT SAMBUTAN BESAR-BESARAN RAI PERALIHAN PM

KUALA LUMPUR 28 Okt (Bernama) -- Gerakan tidak akan mengadakan sambutan besar-besaran bagi meraikan peralihan jawatan Perdana Menteri yang akan berlangsung Jumaat ini.

Presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata sebaliknya sebaik saja peralihan itu selesai, Gerakan akan meneruskan kerjasama dengan parti-parti komponen Barisan Nasional untuk mengekal dan mengukuhkan perpaduan yang wujud.

"Tiada sambutan besar-besaran...sebaik sahaja selesai, kami akan meneruskan kerjasama sebagai satu pasukan, memastikan perpaduan rakyat, kestabilan politik dan pembangunan," katanya ketika ditemui pemberita pada majlis Rumah Terbuka parti itu sempena Deepavali, di sini hari ini.

Beliau berkata itulah yang diberitahunya kepada tetamu-tetamu asing yang membangkitkan isu itu kepada beliau pada majlis itu.

Katanya walaupun Gerakan berasa sedih dengan persaraan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad namun parti itu yakin penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mampu memikul tanggungjawab dan amanah rakyat.

Dr Lim berkata Dr Mahathir banyak meninggalkan legasi sepanjang kepimpinannya.

"Ini juga merupakan satu daripada legasi Perdana Menteri kita, semua perayaan kini menjadi sambutan peringkat kebangsaan. Ia baik dalam mewujudkan kesedaran mengenai pentingnya saling meraikan perayaan kaum lain. Bila kita meraikannya kita bersedia untuk bersahabat," katanya.

Kira-kira 1,000 orang menghadiri majlis itu termasuk Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia Datuk M. Kayveas.

-- BERNAMA

AY NM RHM